

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Helaian Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insuran Multi Medi-PLUS. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

Insurans Multi Medi-PLUS

1. Apakah Produk Ini?

Polisi ini melindungi kos rawatan perubatan yang ditanggung oleh anda atau ahli keluarga anda untuk dimasukkan ke hospital akibat kemalangan atau penyakit

2. Apakah perlindungan / faedah yang diberikan?

Beberapa faedah utama yang boleh disediakan adalah:-

A. Faedah hospital

- Bilik Hospital & Makan Harian
- Unit Rawatan Rapi
- Perkhidmatan Am Jururawat, Sehari
- Perkhidmatan & Bekalan Hospital
- Yuran Bilik Pembedahan
- Yuran Pembedahan & Rawatan Selepas Pembedahan
- Yuran Pakar Bius
- Lawatan Harian Doktor Di Wad
- Yuran Penginapan

B. Faedah Sebelum Diwadkan

- Perkhidmatan Diagnostik & Ujian Makmal
- Rundingan Pakar
- Pendapat Pembedahan Kedua, dengan rujukan doctor

C. Faedah Selepas Keluar Hospital

- Rawatan Lanjutan Selepas Keluar Hospital

D. Faedah Pesakit Luar & Faedah Lain-Lain

- Rawatan Pembedahan Harian
- Rawatan Kecemasan Pesakit Luar Untuk Kemalangan Saja
- Rawatan Pergigian Kecemasan Pesakit Luar untuk kemalangan saja
- Yuran Ambulans
- Rawatan Fisioterapi Pesakit Luar
- Rawatan Kanser Pesakit Luar
- Rawatan Dialisi Pesakit Luar
- Penjagaan Jururawat Di Rumah
- Manfaat Kematian Akibat Kemalangan
- Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan, sehari
- Yuran Laporan Perubatan
- Cukai Barang dan Perkhidmatan

NOTA

Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk pada faedah didalam kontrak polisi.

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Helaiian Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insuran Multi Medi-PLUS. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar ?

Premium yang perlu dibayar adalah berbeza mengikut pelan yang dipilih dan berdasarkan umur pada hari lahir terakhir orang yang diinsuranskan dan mengikut kehendak pengunderaitan.

10% diskaun keluarga akan diberikan kepada polisi keluarga dengan tiga atau lebih ahli keluarga yang terdiri daripada suami dan / atau isteri , anak-anak

4. Berapa yuran dan caj yang perlu saya bayar ?

Sebagai tambahan kepada premium, anda perlu membayar:	Jumlah
a. Cukai Barangan dan Perkhidmatan	0% daripada premium
b. Duti Setem	RM 10.00

Premium yang perlu dibayar termasuk komisen yang dibayar kepada pengantara , jika ada, 15% daripada premium dan yuran MCO

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Jika anda memohon untuk insurans penuh untuk diri sendiri / keluarga / orang tanggungan , anda ditugaskan untuk memberi pertimbangan sepenuhnya untuk tidak membuat kesilapan ketika menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon insurans ini), anda perlu menjawab soalan dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk memberi pertimbangan sewajarnya sebelum anda menjawab soalan boleh mengakibatkan penghindaran kontrak insurans anda, penolakan atau pemotongan tuntutan anda, pertukaran terma atau menamatkan kontrak insurans anda
- Kenyataan di atas hendaklah berterusan sehingga masa kontrak anda insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Selain menjawab soalan di dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon untuk insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda yang diketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dipohon.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan segera jika pada bila-bila masa selepas kontrak anda insurans telah dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami sebarang maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon untuk insurans ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.
- **Tempoh Bertenang** : Anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengembalikan polisi dalam masa 15 hari selepas anda menerima polisi dan anda akan dibayar balik premium penuh yang anda dibayar. Tiada bayaran balik dibuat jika tuntutan telah dibuat dalam tempoh tersebut.
- **Kelayakan / tempoh menunggu**: kelayakan anda untuk manfaat di bawah polisi ini hanya akan bermula 30 hari selepas tarikh berkuat kuasa polisi kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan.
- **Umur Layak**
 Dewasa - sehingga 60 tahun. Pembaharuan dilanjutkan di bawah 101 tahun.
 Kanak-kanak - dari 30 hari hingga 18 tahun, tidak berkahwin dan tidak bekerja.
 - dilanjutkan sehingga 23 tahun jika belajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi tempatan.

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Helaiian Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insuran Multi Medi-PLUS. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

- **Tunai Sebelum Perlindungan:** Premium penuh mesti dibayar kepada kami atau ejen yang diberi kuasa kami sebelum tarikh berkuat kuasa polisi.
- **Syarat-syarat pra-wujud:** Ini adalah upaya yang Orang Yang Menerima Perlindungan secara munasabah. Seseorang boleh dianggap mengetahui sewajarnya keadaan sedia ada di mana keadaan itu adalah satu yang mana;
 - a. Orang yang Diinsuranskan telah atau sedang menerima rawatan
 - b. nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan;
 - c. tanda-tanda yang jelas dan nyata yang dibuktikan atau telah dibuktikan, atau
 - d. kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan itu.
- **Penyakit Khusus:** Ini adalah kurang upaya dan komplikasi yang berkaitan dengannya, yang wujud dalam tempoh 120 hari pertama Insurans.
 - a. Tekanan darah tinggi, kencing manis dan penyakit kardiovaskular.
 - b. Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, dan semua jenis ketumbuhan batu karang.
 - c. Semua penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak.
 - d. Hernia, buasir, fistulae, hydrocele, varicocele.
 - e. Endometriosis termasuk penyakit sistem pembiakan.
 - f. Gangguan tulang belakang (termasuk ceper) dan keadaan lutut.

NOTA

Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- Apa-apa keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama perlindungan kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan.
- Pra-syarat yang wujud pada 12 bulan pertama.
- Penyakit khusus yang tidak dilindungi untuk 120 hari pertama.
- Keadaan Kongenital, keadaan gigi dan bersalin, keadaan berkaitan AIDS / HIV
- Kecederaan diri yang disengajakan atau bunuh diri, berkhatan dengan semua kausa
- gangguan jiwa, mental atau saraf
- kosmetik atau plastik pembedahan
- Peperangan, mogok, rusuhan, kekecohan awam
- rutin pemeriksaan perubatan atau fizikal, prosedur penyiasatan
- Orang-orang yang berada di luar Malaysia selama lebih daripada 90 hari berturut-turut semasa Polisi itu berkuat kuasa

NOTA

Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah polisi ini

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Helaiian Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insuran Multi Medi-PLUS. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

Anda boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis secara bertulis kepada syarikat insurans. Setelah pembatalan dibuat, anda layak menerima bayaran balik premium seperti jadual di bawah dengan syarat anda tidak pernah membuat sebarang tuntutan dibawah polisi ini.

<u>TEMPOH TIDAK MELEBIHI:</u>	<u>BAYARAN BALIK</u>
	90% (untuk pembaharuan sahaja)
15 hari	80%
1 bulan	70%
2 bulan	60%
3 bulan	50%
4 bulan	40%
5 bulan	30%
6 bulan	25%
7 bulan	20%
8 bulan	15%
9 bulan	10%
10 bulan	5%
11 bulan	Tiada bayaran balik

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat apa-apa perubahan dalam maklumat hubungan bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai tepat pada waktunya..

9. Dimanakan boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan insurans ini atau mana-mana produk insurans lain, anda boleh menghubungi kami atau pengantara insurans atau layari laman web kami www.mpigenerali.com

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

MPI Generali Insurans Berhad

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan di kawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

8th Floor, Menara Multi-Purpose

Capital Square

8, Jalan Munshi Abdullah

50100 Kuala Lumpur

Tel: +603 2034 9888

Fax: +603 2694 5758

Email: generalenquiries@mpigenerali.com

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan

- Multi Medical Protector
- Insurans Kumpulan Hospital & Pembedahan
- Medic 101
- Medic SME

NOTA PENTING:

ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Informasi yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 01/06/2018.